

## Francorp Anjur Seminar Kembang Francais Ke Luar Negara

FIRMA perunding francais yang tidak asing lagi, Francorp Malaysia, telah menganjurkan satu seminar bertajuk, "*Globalizing Malaysian Franchise*", bertujuan memberi maklumat dan pengetahuan kepada usahawan-usahawan francais tempatan tentang cara untuk mengembangkan perniagaan francais di luar negara.

Seminar ini berlangsung selama sehari dengan menyaksikan pembentangan daripada dua jemputan khas iaitu Peter Holt, Pengerusi Hal Ehwal Jaringan Antarabangsa, International Franchise Association (IFA) dan Carl E. Zwisler, Ahli Lembaga Perundangan dan Perhubungan Francais IFA.

Seminar tersebut telah dilancarkan secara rasminya oleh Pengarah Perbadanan Nasional Berhad, Mohd Zuhri Abdullah, mewakili Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Datuk Mohamad Khaled Nordin.

Seminar ini diharapkan dapat membantu para usahawan francais untuk mengembangkan perniagaan, selain menyahut seruan kerajaan dalam menggalakkan lebih banyak perniagaan francais tempatan ke peringkat global.



Pihak penganjur menjelaskan matlamat penganjuran seminar sehari itu diadakan pada satu sidang media selepas majlis perasmian.